

AMALKAN KONSEP DIET SUNNAH

BRUNEI 2023
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2023

KIARONG, Selasa, 6 Jun. - Bagi memeriahkan anjuran seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban (SAPPHAT) Kali Ke-6 2023 yang diadakan pada 5 hingga 7 Jun ini, Tazkirah Subuh diadakan awal pagi tadi bertempat di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, di sini.

Tazkirah subuh yang bertajuk 'Penyediaan Makanan Halal untuk Kesihatan dan Kemajuan Negara' disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Dalam tazkirah berkenaan, Dr. Haji Adanan menjelaskan kepentingan pengambilan makanan halal kerana ia merupakan asas kepada keberkatan hidup seseorang individu dan masyarakat. Ini termasuk memahami dan mengamalkan konsep halal dan tayyib dalam diet Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

■ Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Pada ketika ini, terdapat keperluan yang tinggi bagi penyediaan makanan halal tempatan untuk keselamatan makanan negara dan umat Islam. Sehubungan itu, ia merupakan peluang yang seharusnya diambil oleh para belia bagi menjana hasil pendapatan dalam industri penyediaan makanan halal berkenaan, tambahnya lagi.

Tazkirah Subuh berkenaan merupakan acara sampingan penganjuran SAPPHAT Ke-6 2023 yang diungayahkan oleh

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) bersama dengan rakan strategik lainnya termasuk Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), KUPU SB dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri.

TAZKIRAH Subuh disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

